



TEKS UCAPAN PELANCARAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS PELUNCURAN KESEDARAN DAN PENCEGAHAN
ANEMIA KEKURANGAN ZAT BESI (IDA) DI KALANGAN KANAK-KANAK**

**PADA
26 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS) JAM 4.00 PETANG**

**BERTEMPAT DI
IWK ECO PARK @ PANTAI DALAM**

Terima kasih Pengerusi Majlis.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur,**

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di bawah limpah kurniaNya, kita dapat

berkumpul hari ini bagi **Program Peluncuran Kesedaran dan Pencegahan Anemia Kekurangan Zat Besi (IDA) di Kalangan Kanak-Kanak.**

2. Hari ini menandakan satu langkah penting bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam usaha meningkatkan kesihatan kanak-kanak. Kita semua sedar akan ancaman senyap anemia kekurangan zat besi (IDA) yang memberi kesan besar kepada tumbesaran dan perkembangan kognitif kanak-kanak.
3. Data menunjukkan bahawa 1 daripada 3 kanak-kanak di Malaysia berisiko menghadapi IDA, menjadikan intervensi awal suatu

keperluan yang tidak boleh dipandang ringan. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak, menjejaskan kebolehan kognitif, pertumbuhan fizikal dan potensi keseluruhan mereka. Justeru itu, pentingnya intervensi awal dalam mengesan komplikasi IDA tidak boleh dipertikaikan lagi.

- 4. Saya juga difahamkan, pihak Danone Malaysia telah menjalankan saringan IDA bukan invasif dalam jerayawara mereka di seluruh negara. Terima kasih kepada Danone atas usaha mereka dalam menjalankan saringan IDA di seluruh negara. Kerjasama mereka dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menyaring lebih 1,000 Taska yang berdaftar adalah langkah proaktif yang sangat penting dalam**

mengesan risiko IDA di kalangan kanak-kanak.

5. Perkongsian antara sektor awam dan swasta ini memberi manfaat besar kepada masyarakat, terutama mereka yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan. Dengan menggabungkan kepakaran dan sumber yang dimiliki kedua-dua pihak, kita dapat memperluaskan kesedaran mengenai IDA, meningkatkan akses kepada saringan, dan mencegah komplikasi yang lebih serius melalui rawatan awal.
6. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong kesihatan individu, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan modal insan negara. Kita ingin memastikan bahawa semua kanak-kanak, termasuk dari golongan yang terpinggir,

mendapat peluang untuk membesar dengan sihat dan cerdas, selaras dengan **Artikel 24 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak** yang memberi penekanan kepada hak mereka untuk mendapatkan kesihatan terbaik.

7. Dengan inisiatif ini, kita juga menyokong matlamat pembangunan mampan (SDG), khususnya dalam bidang nutrisi dan kesihatan. Usaha ini membantu memperkukuhkan dasar kesihatan nasional, memastikan tiada kumpulan masyarakat yang tertinggal dalam usaha membentuk generasi yang sihat dan berdaya saing.
8. Kepada ibu bapa, penjaga, dan pemimpin masyarakat yang hadir di sini hari ini, saya menyeru agar anda memanfaatkan peluang ini sepenuhnya. Saya amat menggalakkan anak-anak kecil dibawa

untuk mendapatkan saringan anemia ini dan mengetahui langkah-langkah yang dapat diambil sekiranya keputusan saringan menunjukkan kecenderungan anemia. Penglibatan aktif anda sangat penting dalam memastikan masa depan kesihatan anak-anak kita terjamin.

9. Akhir kata, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus berusaha memperjuangkan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia. Terima kasih juga diucapkan kepada Danone Malaysia atas dedikasi dan kerjasama mereka dalam usaha menangani anemia kekurangan zat besi, yang menjadi contoh nyata bagaimana perkongsian strategik boleh membawa perubahan positif kepada masyarakat.

10. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan **Program Pelancaran Kesedaran dan Pencegahan Anemia Kekurangan Zat Besi (IDA) di Kalangan Kanak-Kanak Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.